

09 OCT 1996

Pemuda - Usul

JANGAN CAKAP LAIN TAPI BUAT LAIN, KATA WAKIL PEMUDA

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini diingatkan bahawa sikap pemimpin dan pengikut yang sekadar pandai bercakap tetapi tidak melaksanakan apa yang diucapkan boleh menyebabkan keruntuhan bangsa.

"Jangan jadi manusia double standard, cakap lain tetapi kita buat yang lain...pada hari ini kita umat Islam jatuh kerana rata-rata kita memang tahu (mengenai sesuatu perkara) tapi kita tak buat," kata Haji Shamsudin Sulong, wakil Terengganu ketika membentangkan usul ucapan terima kasih kepada Ucapan Dasar Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, pada persidangan pergerakan itu di sini.

Sambil memetik Al-Quran untuk mengukuhkan hujahnya mengenai sikap "hipokrit" yang melanda umat Islam, termasuk di kalangan anggota Umno, beliau berkata menjelang Perhimpunan Agung Umno kali ini begitu banyak perkara negatif mengenai pemimpin dan anggota Umno telah didedahkan dalam media massa.

"Rata-rata sebaran am memperkatakan mengenai moral kita dan orang yang kita pilih sebagai pemimpin. Kalau inilah generasi kita sekarang, apakah yang akan jadi pada generasi 10 hingga 15 tahun akan datang," kata Shamsudin, merujuk kepada pelbagai laporan media mengenai pemilihan parti itu yang berlangsung pada perhimpunan kali ini.

Katanya setiap kali perhimpunan diadakan, pemimpin dan pengikut membuat pelbagai ucapan dan ikrar tetapi ia berakhir seiring dengan tamatnya perhimpunan itu kerana pemimpin dan pengikut tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakan apa yang mereka ucapkan.

Shamsudin berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno telah meletakkan asas yang kukuh bagi anggota Umno di semua peringkat melaksanakan tanggungjawab masing-masing mengikut kedudukan dan keupayaan.

Katanya pengikut tidak sepatutnya menyerahkan kepada pemimpin sahaja untuk melaksanakan tanggungjawab itu kerana mereka juga boleh memberi sumbangan.

"Kalau kita mahu jadi satu bangsa yang cemerlang, marilah kita buktikan bahawa kita boleh cemerlang dalam pelbagai aspek termasuk agama, pendidikan dan ekonomi," katanya.

Wakil Pulau Pinang Roslan Saidin menyarankan golongan pemimpin baru menangani masalah anggota yang pentingkan habuan sebelum menyokong parti.

Mereka yang terpilih sebagai pemimpin perlu menyifatkan kejayaan mereka itu sebagai satu amanah yang perlu disempurnakan bagi menentukan kesinambungan perjuangan yang bebas daripada segala gejala negatif.

Wakil Sabah Nordin Mayu menyarankan supaya Pemuda menjadi "badan pengawas khas" di negeri-negeri yang bukannya dikuasai oleh kepimpinan Umno untuk menjaga kepentingan Melayu.

Katanya selain daripada bercakap menjadikan Pemuda Umno dikenali di peringkat antarabangsa, pergerakan itu juga harus mempelopori pengembangan sayap Umno ke Sarawak untuk melengkapkan perjuangan parti.

Wakil Johor Hamim Samri berkata pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian perlu menilai dan mengatasi kelemahan sendiri dan tidak sekadar melihat kelemahan pemimpin di peringkat pusat.

Ismail Taib dari Kedah pula mengingatkan anggota pergerakan mengenai tanggungjawab mereka mengatasi masalah sosial.

Ketua Pemuda Jerlun itu mahukan persidangan kali membincang kelemahan

diri sendiri, parti dan arah tujuan pergerakan dalam mengatasi masalah yang dihadapi sekarang.

"Martabat bangsa, agama dan negara sebenarnya terletak di tangan pergerakan Pemuda," kata Ismail.

Beliau kesal kerana pergerakan itu pernah dengan lantang dan berani mengambil keputusan untuk berperang habis-habisan membasmi politik wang dan salah guna kuasa tetapi pada persidangan kali ini gejala itu masih berlaku dan menakutkan.

Wakil Kelantan Zahari Kechik meminta pemimpin dan anggota pergerakan itu supaya bersatu kembali selepas pemilihan.

Dalam konteks perpaduan jugalah, Ketua Pemuda Umno Jeli itu menyatakan bahawa Umno di Kelantan menerima dengan dada terbuka langkah Parti Melayu Semangat 46 kembali kepada Umno.

"Penyatuan itu akan menguatkan Umno dalam menghadapi Pas pada pilihan raya akan datang," kata Zahari.

Wakil Wilayah Persekutuan Shafie Abdullah turut menyentuh mengenai gejala politik wang, yang menurutnya sukar dibendung walaupun parti mengadakan larangan berkempen.

Beliau mencadangkan agar pada masa depan semua calon dikumpul sekurang-kurangnya seminggu sebelum pemilihan untuk mereka menyatakan visi dan tujuan masing-masing bagi mengelak kempen dijalankan secara sembunyi.

Abdul Hamid Bahar dari Pahang pula meminta pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) mengutamakan semangat perpaduan gabungan itu kerana menurutnya, ada menteri-menteri bukan dari Umno cuba mendapat publisiti dengan "menghentam" kerajaan-kerajaan negeri.

"Kepada menteri-menteri tersebut, kalau boleh, tolong ubah sikap," katanya tanpa menghuraikan mengenai perkara itu.

Wakil Melaka Abdul Kadir Daud tidak mahu anggota Umno dilupakan ekoran kemasukan beramai-ramai anggota S46 ke dalam Umno.

"Anggota Umno yang sememangnya setia kepada parti tidak harus dilupakan," kata beliau sambil mengakui bahawa tindakan anggota-anggota S46 itu akan mengukuhkan perpaduan Melayu.

Wakil Negeri Sembilan Othman Mohamad pula berharap larangan berkempen dihalusi oleh pemimpin parti.

Katanya Badan Perhubungan Umno Negeri seharusnya dibenar mengelola program suaikenal antara calon-calon dan anggota perwakilan bagi membolehkan mereka mengenali antara satu sama lain.

-- BERNAMA
MAM MAI